

'Kami akan terus bantah'

Penduduk tetap halang jentolak masuk kampung secara berterusan

KAMPUNG FELDA BUKIT CHERAKAH – “Kami akan terus bantah projek perkuburan bukan Islam dan halang jentolak masuk ke kampung kami,” demikian bantahan penduduk Kampung Bukit Kapar Tambahan, di sini.


Wakilnya, Zainu Hamid, 45, berkata, laluan masuk projek perkuburan bukan Islam itu akan melalui kawasan kampung terutamanya Kampung Bukit Kapar Tambahan.

Menurutnya, pihaknya bersama penduduk di enam kawasan lagi termasuk Kampung Felda Bukit Cherakah dan Puncak Alam akan terus menghalang projek berkenaan diteruskan.

“Kami akan bantah dan terus halang jentolak atau lori yang akan masuk ke kampung kami untuk buat kerja tanah... lagipun mereka bukan saja timbulkan kemarahan penduduk tapi tak



IRMOHIZAM



ZAINU



SAADIAH

jaga sensitiviti orang Melayu dan Islam.

“Bukan sekali tapi kami akan bantah secara berterusan... sebab apa? Sebab mereka buat projek yang tak relevan langsung di tengah kampung Melayu,” katanya.

Penduduk Kampung Felda Bukit Cherakah, Alfaizal Suhani, 37, berkata, pihaknya turut membuat laporan polis sebagai bantahan penduduk terhadap projek terbabit.

“Kami bukan niat nak buat provokasi tapi fikirkan sikit sensitiviti penduduk Islam di kawasan ini, sedangkan sini tiada pun penduduk bukan

Islam. Kami bukan bantah pembangunan tapi tak nak bina jirat tengah kampung Melayu?”

“Memang penduduk bantah projek ini. Biarpun tanah persendirian tapi kerajaan negeri tak fikir nasib penduduk Melayu di kawasan ini. Pemberian kelulusan untuk projek perkuburan bukan Islam pun penduduk tak dimaklumkan.

“Nasib baik kami sedar awal bila tengok jentolak dan lori keluar masuk. Bila ditanya, katanya nak buat jirat Cina. Paling dikesalkan, surat makluman pun kami tak

tahu,” katanya.

Seorang lagi penduduk, Saadiah Saaman, 55, berharap projek perkuburan bukan Islam itu tidak diteruskan.

Katanya, kehidupan dalam masyarakat majmuk perlu memikirkan keperluan kaum serta kesesuaian tapak un-

tuk tanah perkuburan bukan Islam dan tidak sepatutnya projek berkenaan dibuat di tengah kampung Melayu.

“Memang maccik bantah sungguh projek ni sebab kalau bukit tu nanti penuh dengan jirat, kan tak cantik dah pemandangannya. Lebih-lebih lagi nak solat pun arah kiblat ke arah bukit tu.

“Kalau betul kerajaan negeri pentingkan rakyat, projek ini wajar dihentikan. Jangan cakap politik saja sebab yang menanggung adalah kami,” katanya kepada *Sinar Harian*.

Sementara itu, Ahli



Laporan Sinar Harian mengenai bantahan pembinaan perkuburan bukan Islam pada 12 Januari lalu.

Parlimen Kuala Selangor, Datuk Seri Dr Irmohizam Ibrahim juga kesal apabila pihaknya tidak dimaklumkan mengenai kelulusan projek tapak perkuburan bersepadu.

“Saya terkejut apabila projek perkuburan bukan Islam itu boleh diluluskan di kawasan yang dikelilingi lebih 90 peratus penduduk Islam sehingga menimbulkan pelbagai persoalan.

“MDKS (Majlis Daerah Kuala Selangor) perlu prihatin dengan isu ini sebab saya khuatir ia boleh menjejaskan keharmonian penduduk di kawasan sekitar, lebih-lebih lagi dengan kepadatan penduduk Islam,” katanya.

Tambah beliau, MDKS juga perlu memberi penjelasan bagaimana kelulusan boleh diberikan dan kenapa beliau tidak dimaklumkan berkenaan perkara ini.